

AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 11  
 RUANGAN : LOKAL

## IKN sedia khidmat rawatan tradisional tingkat kualiti hidup

**Kuala Lumpur:** Institut Kanser Negara (IKN) menyediakan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) sebagai rawatan komplementari bagi meningkatkan kualiti hidup pesakit kanser.

Ketua Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari IKN, Dr Teo Chiah Shean berkata, ia bukan pengganti kepada rawatan kanser konvensional, tetapi mengurangkan kesan sampingan seperti



Terdapat dua jenis rawatan PT & K iaitu akupunktur dan rawatan herba berkonsepkan perubatan tradisional Cina”

Dr Teo Chiah Shean

loya, muntah, kering mulut, keletihan dan hilang selera makan akibat pembedahan, rawatan kemoterapi serta radioterapi.

“Terdapat dua jenis rawatan PT & K iaitu akupunktur dan rawatan herba berkonsepkan perubatan tradisional Cina ditawarkan kepada pesakit IKN selepas menjalani rawatan kanser konvensional.

“Hasil kajian Unit PT&K menunjukkan rawatan akupunktur yang diberikan kepada pesakit kanser sebelum menerima rawatan kemoterapi dapat mengurangkan kesan loya dan muntah berpunca daripada kesan sampingan rawatan kemoterapi.

“Di samping itu, rawatan herba juga dapat mengurangkan kesan kering mulut susulan rawatan radioterapi,” katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini.

Dr Teo berkata, terdapat 15 hospital fasiliti kesihatan kerajaan yang menawarkan perkhidmatan PT&K di seluruh negara. Bagaimanapun, rawatan herba sebagai rawatan komplementari penyakit kanser hanya ditawarkan di 4 Unit PT&K iaitu di IKN, Hospital Kepala Batas, Hospital Sultan

Ismail dan Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah.

“Secara keseluruhan, pesakit kanser yang menerima rawatan PT&K di IKN memberi maklum balas positif dan unit ini mendapat sambutan yang baik daripada pesakit.

“Kebanyakan pesakit berpuas hati dengan pengurangan kesan sampingan daripada rawatan kemoterapi dan radioterapi serta berasa lebih bertenaga dan cergas selepas menjalani rawatan PT&K,” katanya.



ZURAINI bersama peserta program kesedaran kanser.

### KANSER ADALAH PUNCA KEMATIAN KEDUA TERTINGGI DI MALAYSIA

Tiga kanser tertinggi mengikut jantina



## Tiada bukti saintifik produk rawat kanser

**Kuala Lumpur:** Pengambilan produk makanan tambahan dan rawatan alternatif belum dibuktikan secara saintifik dapat membantu merawat, mengawal serta mengelakkan penyakit kanser.

Pakar Perubatan (Onkologi) Jabatan Radioterapi dan Onkologi Institut Kanser Negara (IKN), Dr Suhana Yusak berkata, rawatan ini bukan saja menjadikan penyakit kanser lebih teruk, malah boleh menyebabkan komplikasi lain yang menjejaskan status kesihatan pesakit.

Malah, katanya, ia juga tidak dapat menggantikan rawatan moden di hospital.

“Biasanya, jenis dan kandungan rawatan alternatif tidak diketahui. Berikutan tiada kajian saintifik yang dijalankan terhadapnya, maklumat mengenai mekanisme rawatan alternatif ini sangat diragui.

“Malah, rawatan alternatif ini kadangkala boleh

menyebabkan komplikasi pada buah pinggang dan hati sehingga menyebabkan keadaan pesakit menjadi lebih teruk,” katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini.

Dr Suhana berkata, pesakit kanser juga dinasihatkan tidak mengambil rawatan alternatif dan hospital bersama-sama kecuali rawatan tradisional dan komplementari yang disorkan di hospital.

Katanya, ia juga bertujuan mengelakkan sebarang komplikasi dan risiko kesan sampingan berlaku.

“Ini kerana rawatan alternatif biasanya tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai keselamatan penggunaan dan selalunya berdasarkan testimonial pengguna,” katanya.

Berikutan itu, beliau berkata, pesakit dinasihatkan mendapatkan maklumat tepat dengan berbincang dan bertanya kepada pakar atau pegawai perubatan yang sememangnya terlatih dalam perawatan kanser.

Menurutnya, maklumat yang diperolehi daripada media sosial juga perlu dipastikan kesahihannya supaya tidak terpengaruh.

“Pesakit juga dinasihatkan tidak takut mengemukakan soalan mengenai rawatan alternatif. Pakar atau pegawai perubatan yang terlatih dengan perawatan kanser bersedia memberi maklumat dan kesedaran mengenai isu ini.

“Apa yang lebih penting pesakit mendapat rawatan yang tepat dan selamat serta tidak membahayakan diri sendiri,” katanya.

Dr Suhana berkata, bagi mengelakkan pesakit terpengaruh dengan rawatan alternatif atau produk makanan tambahan, biasanya pesakit diberi sesi konsultasi menyeluruh apabila berjumpa doktor dan pesakit akan diberikan penerangan mengenai penyakit kanser termasuk tujuan dan cara rawatan.

Katanya, nasihat mengenai rawatan alternatif serta risiko dan kesan sampingan berhubung rawatan alternatif diberitahu secara terperinci.

“Di IKN, sesi konsultasi turut membabitkan jururawat dan pegawai dietetik supaya pesakit benar-benar faham mengenai penyakit mereka dan bahayanya rawatan alternatif itu,” katanya.

**Rawatan alternatif tidak ada maklumat mengenai keselamatan**